



## Metodologi Pendalilan terhadap Fatwa Pensabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Penamaan kepada Abdullah

Undang-  
Undang  
Keluarga Islam

### *Argument Methodology Against Fatwa Conviction of Illegitimate Children's Lineage in Malaysia: Analysis of the Appointment Name to Abdullah*

19

Submitted: 28 February 2023  
Revised: 11 May 2023  
Accepted: 27 October 2023  
E-Published: 31 October 2023

MUSTAQIM ROSLAN, M.  
(Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial  
Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan  
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia  
[muhd.mustaqim@uscs.edu.my](mailto:muhd.mustaqim@uscs.edu.my)

#### ABSTRAK

Fatwa pensabitan nasab bagi anak tak sah taraf atau akronimnya dikenali sebagai ATST dapat dibahagikan kepada dua pandangan. Pandangan pertama adalah Fatwa Kebangsaan yang merupakan pendapat jumbuh dan disokong oleh beberapa negeri di Malaysia iaitu menasabkan ATST dengan nama Abdullah. Adapun pandangan kedua iaitu Fatwa Negeri Perlis berpendapat bahawa menasabkan ATST kepada bapa biologinya adalah diharuskan bagi mengelakkan aib anak-anak itu tersebar dalam kalangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat kembali metodologi pendalilan terhadap fatwa pensabitan nasab ATST kepada Abdullah. Ia bertujuan untuk menilai semula metodologi pendalilan yang digunakan dalam pengeluaran fatwa tersebut dengan mengambil kira dakwaan yang telah ditimbulkan oleh Fatwa Negeri Perlis. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif dengan menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen. Hasil dapatan menunjukkan bahawa asas pendalilan terhadap fatwa pensabitan nasab ATST di Malaysia yang dinamakan kepada Abdullah adalah bersumberkan kepada dalil hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari (no: 6818) iaitu "anak itu untuk hamparan (isteri) dan bagi pezina itu adalah batu (tidak mendapat hak nasab)". Namun begitu, Fatwa Kebangsaan menggantikan nama Abdullah kepada nama ibu anak tersebut adalah untuk mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial yang berlaku kepada anak tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar suatu kajian dapat diperluaskan pada masa hadapan bagi mengesahkan matlamat Fatwa Kebangsaan bagi menggantikan nama ibu dengan nama Abdullah ke atas ATST adalah benar-benar mencapai matlamat seperti yang diinginkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

**Kata Kunci:** Abdullah, Anak Tak Sah Taraf, Fatwa, Metodologi, Pendalilan.





## ABSTRACT

The Fatwa on the conviction of lineage for illegitimate children, or by its Malay acronym, ATST (*Anak Tidak Sah Taraf*), is divided into two views. The first point of view is the National Fatwa, which is a popular opinion, and is supported by several Malaysian states, and which refers to ATST as Abdullah. In terms of the second point of view, the Perlis State Fatwa believes that assigning ATST to the biological father is necessary to prevent the shame of the children from spreading throughout the community. In light of this, this article is written with the intention of looking back at the evidence methodology for the fatwa of the ATST lineage conviction to Abdullah. It seeks to re-evaluate the evidence methodology used in issuing the fatwa in light of the allegations raised by the Perlis State Fatwa. The study's philosophy is interpretive, as evidenced by the use of a qualitative approach in adapting the study design. Meanwhile, the document content analysis method is used in this study for data collection and analysis. The findings show that the basis of the evidences on the fatwa of the ATST lineage conviction in Malaysia named after Abdullah is based on the hadith narrated by Bukhari (no: 6818) that "the child is for (the owner of) the bed and the stone is for the person who commits illegal sexual intercourse (does not get the lineage right)". Nonetheless, the National Fatwa replaces Abdullah's name with the child's mother's name in order to avoid psychological and social problems for the child. Therefore, this study suggests that a future study could be expanded to confirm the goal of the National Fatwa to replace the mother's name with Abdullah on the ATST is to achieve its goals as the National Fatwa Council's desires.

**Keywords:** Abdullah, Illegitimate Child, Fatwa, Methodology, Evidence.

## PENDAHULUAN

Anak Tak Sah Taraf atau akronimnya dikenali sebagai (ATST) dapat diistilahkan di dalam bahasa Arab sebagai "*walad al-zina*" yang membawa maksud "anak zina" dari sudut bahasanya (Hans Wehr, 1980). Menurut keputusan Fatwa Kebangsaan (2003), ATST tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh yang demikian, anak itu hendaklah dibin atau dibintikan Abdullah atau lain nama *Asma' al-Husna* berpangkalan Abdul. Mengulas tentang fatwa yang telah diputuskan ini, dua orang mufti iaitu *Sohibus Samahat* (SS) Datuk Dr. Zulkifli al-Bakri dan SS Tan Sri Harussani Zakaria berpandangan bahawa, fatwa melarang ATST dinasabkan kepada bapa biologinya adalah untuk memelihara maslahat umum (iaitu mudarat zina yang merosakkan masyarakat dan sistem keluarga secara keseluruhan) lebih utama dijaga berbanding maslahat khusus (iaitu aib yang mungkin dialami oleh anak zina) (Ahmad Husni, Anwar Al-Mustafa, Rizal, Hasnan & Mustaqim Roslan, 2015).

Namun begitu, selain daripada penamaan nasab ATST kepada Abdullah, terdapat juga sebuah negeri yang berkecuali dalam mengeluarkan fatwa terhadap penamaan nasab ATST ini di Malaysia. Negeri Perlis merupakan sebuah negeri yang menamakan nasab ATST dengan bapa biologinya dan fatwa mereka juga turut diwartakan sebagai Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri (Majlis Agama Islam Perlis 2006). SS



Mufti Perlis, Datuk Dr. Asri Zainul Abidin (2017) berpandangan bahawa, nama Abdullah ke atas anak luar nikah itu lebih membuka keaiban si anak dengan katanya:

*“Sekarang ini anak luar nikah semuanya dibinkan kepada Abdullah, jika semuanya nanti berbinkan kepada Abdullah, kita akan ada bukan ribu tetapi puluhan ribu dan lama kelamaan orang akan beranggapan bahawa zina ini merupakan suatu perkara biasa sahaja. Nanti mungkin ada yang mengatakan, tidak ada masalah berzina dahulu, sebab ramai yang bin Abdullah dan ia tidak akan jadi aib lagi”.*

Oleh kerana ia adalah masalah ijtihad, maka perbezaan pendapat dengan fatwa majoriti di Malaysia itu dalam hal ini adalah perkara biasa dalam kalangan mufti. Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat kembali metodologi pendalilan terhadap fatwa pensabitan nasab ATST kepada Abdullah. Dengan adanya kajian ini, ia dapat mempertimbangkan kembali keputusan Fatwa Kebangsaan dengan mengambil kira penghujahan yang dibangkitkan oleh fatwa negeri Perlis agar keputusan fatwa sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Pengkaji meyakini akan setiap fatwa yang dikeluarkan pastinya telah melihat pelbagai aspek ketika itu, namun sejauh manakah keabsahan dan kekuatan pendalilannya memerlukan kepada penelitian dalam artikel ini. Maka, artikel ini akan menjawab persoalan apakah metodologi pendalilan terhadap fatwa pensabitan nasab ATST di Malaysia yang dinamakan kepada Abdullah?

## **SOROTAN KAJIAN**

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop ATST bagi memperkukuhkan lagi perbincangan kajian ini. Pertamanya, penulis mulakan dengan satu artikel jurnal pada tahun 2020 oleh Wan Abdul Fattah Ismail, Syahirah Abdul Shukor, Lukman Abdul Mutalib, Ahmad Syukran Baharuddin, Zulfaqar Mamat dan Nik Salida Suhaila Nik Saleh berjudul “Faktor dan Penyelesaian Isu Anak Tak Sah Taraf dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia”. Hasil dapatan menunjukkan bahawa jalan terbaik dalam menyelesaikan permasalahan seks bebas dan ATST dalam kalangan remaja Islam adalah dengan memperbaiki remaja itu sendiri. Kajian seterusnya juga daripada artikel jurnal oleh Zakiul Fuady Muhammad Daud & Raihanah Azahari (2020) dengan tajuk penyelidikannya “Analisis keputusan dan Metode Penghakiman terhadap Pemberian Wasiat Wajibah kepada Anak Tak Sah Taraf”. Hasil dapatan menunjukkan bahawa keputusan dan metode penghakiman adalah tidak sesuai dengan syarak kerana mencabut pemberian hibah yang hakikatnya sudah selari dengan syarak tetapi digantikan dengan memberikan wasiat *wajibah* yang hukumnya masih dipertentangkan.

Kajian Azizah Mat Rashid, Noor Aziah Mohd Awal, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff, Nor ‘Adha Abd Hamid, Tg. Noor Azira Tg Zainudin (2019) turut disoroti dalam satu artikel jurnal bertajuk “Menangani Masalah Kelahiran Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Peranan Perundangan Jenayah Dalam Masyarakat”. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penetapan hala tuju baru yang bersifat lebih holistik merangkumi integrasi kefahaman



falsafah, pelaksanaan peruntukan dan hukuman yang lebih sesuai seiring dengan perkembangan semasa jenayah khususnya yang menyumbang kepada kelahiran ATST perlu ditransformasikan. Dan yang terakhir ialah satu artikel jurnal berjudul "Persepsi Masyarakat Muslim di Hulu Langat Terhadap Anak Tak Sah Taraf" oleh Noraini Aqilah Ismail & Ahmad Munawar Ismail (2018) turut disoroti pengkaji. Hasil dapatan menunjukkan bahawa masyarakat di daerah ini tidak mempunyai persepsi yang negatif terhadap ATST dengan bacaan min sebanyak 4.30. Jika melihat kepada kajian-kajian lepas ini, walaupun isu ATST itu dibahaskan dalam perbincangan artikel tersebut, namun isu metodologi pendalilan terhadap fatwa penamaan nasab ATST kepada Abdullah secara khusus tidaklah diperincikan secara berfokus. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian dalam artikel ini untuk melihat isu perbincangan yang diutarakan dengan lebih tuntas.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai (Mustaqim Roslan, 2023). Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga kaedah iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif iaitu carian penjelasan tentang peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari pada perspektif persekitaran yang dikaji (Muslim, 2016). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen.

Kaedah analisis kandungan dokumen merupakan teknik yang digunakan untuk mendapatkan data dokumen. Menurut Krippendorff (2004) dan White & Marsh (2006), kaedah ini juga adalah teknik kajian yang digunakan bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah daripada teks atau bahan lain yang bermakna bagi konteks yang digunakan. Tambahan lagi, pengumpulan data melalui kaedah analisis kandungan dokumen ini turut dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Kaedah ini diadaptasikan untuk mendapatkan data-data primer dan sekunder daripada tafsir dan syarah al-Quran, al-Sunnah, artikel-artikel jurnal, buku-buku ilmuan klasik, fatwa-fatwa berkaitan penamaan nasab ATST, peruntukan undang-undang dan semua dokumen yang berkaitan dengan kajian ini turut dijadikan sebagai data sekunder. (Mustaqim Roslan, 2023).

## **FATWA PENAMAAN NASAB ATST KEPADA ABDULLAH**

Bagi fatwa penamaan nasab ATST kepada Abdullah atau nama-nama *Asma' al-Husna* berpangkalan Abdul ini, ia telah ditetapkan sendiri dan diwartakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia. Berikut adalah kronologi pengeluaran fatwa berkaitan nasab ATST bermula tahun 1981 hingga 2005 seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pewartaan bagi Penamaan Nasab ATST oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia

PERKARA	TARIKH	FATWA	STATUS
Penamaan Anak Luar Nikah	28-29 Januari 1981	1. Muzakarah telah memutuskan bahawa anak zina atau anak di luar nikah sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan 1981).	Diwartakan
Penamaan ATST	25 Jun 1998	1. Muzakarah telah memutuskan bahawa jika seseorang perempuan Melayu Islam bersekedudukan tanpa nikah, sama ada dengan lelaki Islam atau lelaki bukan Islam dan melahirkan anak, maka anak itu hendaklah dibin atau dibintikan Abdullah atau lain nama <i>Asma' al-Husna</i> berpangkalkan Abdul. 2. Seseorang ATST atau anak luar nikah tidak wajar dibin atau dibintikan kepada ibu anak tersebut kerana ini mungkin boleh menimbulkan masalah sosial dan kesan psikologi kepada anak-anak itu. Oleh yang demikian, anak tersebut dibin atau dibintikan kepada Abdullah atau lain-lain nama <i>Asma' al-Husna</i> berpangkalkan Abdul. 3. Seseorang anak yang dijumpai terbiar atau anak pungut yang tidak diketahui asal usulnya hendaklah dibin atau dibintikan Abdullah dan jika nama Abdullah bersamaan dengan orang yang memelihara anak itu, maka bolehlah dipilih nama <i>Asma' al-Husna</i> lain yang berpangkalkan Abdul seperti Abdul Rahman dan Abdul Rahim (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan 1998).	Diwartakan
ATST	10 Jun 2003	1. Muzakarah telah memutuskan bahawa ATST ialah: Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan. 2. ATST ini juga dilahirkan kurang dari enam bulan dua <i>lahzat</i> (saat) mengikut <i>Takwim Qamariyat</i> daripada tarikh <i>tamkin</i> (setubuh). 3. ATST tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak	Diwartakan



		tersebut. Oleh itu, mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan 2003).	
	27 Julai 2004	<ol style="list-style-type: none"><li>1. ATST ialah anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.</li><li>2. ATST juga ialah anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dua <i>lahzat</i> (saat) mengikut <i>Takwim Qamariyat</i> daripada tarikh <i>tamkin</i> (setubuh).</li><li>3. Ia juga ialah anak yang dilahirkan lebih daripada enam bulan dua <i>lahzat</i> (saat) mengikut <i>Takwim Qamariyat</i> daripada waktu <i>tamkin</i> (setubuh) selepas akad yang sah dan ada bukti daripada segi syarak bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui <i>iqrar</i> (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri atau salah seorang daripadanya), atau empat orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syarak (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan 2004).</li></ol>	Diwartakan
	14 Oktober 2005	<ol style="list-style-type: none"><li>1. ATST ialah anak yang dilahirkan di luar nikah iaitu sama ada hasil daripada zina atau rogol.</li><li>2. ATST juga ialah anak yang dilahirkan kurang enam bulan dua <i>lahzat qamariyat</i> dari waktu akad nikah dan ia bukan hasil daripada persetubuhan syubhah.</li><li>3. Anak yang dilahirkan lebih dari enam bulan dua <i>lahzat qamariyat</i> dari waktu akad nikah dan ada bukti daripada segi syarak bahawa, anak tersebut ialah anak luar nikah melalui <i>iqrar</i> (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri atau salah seorang daripadanya), atau empat orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syarak (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan 2004).</li></ol>	

(Sumber: Himpunan Fatwa Pensabitan Nasab ATST, Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia (1981-2005))

Berdasarkan kepada Jadual 1 di atas, jelas menunjukkan bahawa keputusan Fatwa Kebangsaan tentang penamaan nasab ATST bermula pada tahun 1981 ia diwartakan



hinggalah tahun 2005, adalah hampir sama walaupun dengan menggunakan pelbagai *sighat* (*wording*) yang berbeza. Daripada keputusan fatwa itu juga, terdapat beberapa buah negeri yang turut mengadaptasikan dan memperjelaskan lagi intipati keputusan fatwa itu di negeri masing-masing seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang (Paizah Ismail, 2013).

Dalam tinjauan awal ketika menemu bual SS Mufti Perak Tan Sri Harussani Zakaria, beliau menekankan bahawa mana-mana pihak yang menyokong keputusan Mahkamah Rayuan dengan membenarkan ATST tidak perlu dibin atau dibintikan kepada Abdullah boleh menjurus kepada menghalalkan zina pada masa akan datang. Malah, masyarakat di negara ini tidak harus mempertikaikan keputusan JPN yang menetapkan mana-mana anak yang dilahirkan tidak sah taraf perlu dibin atau dibintikan Abdullah. Hal ini kerana, ia jelas termaktub dalam perlembagaan dan diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan (Ahmad Husni et al., 2015).

Daripada negeri-negeri yang cenderung kepada keputusan Fatwa Kebangsaan ini, terdapat enam daripadanya telah turut mewartakan fatwa tersebut di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di negeri masing-masing, antaranya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Terengganu (Paizah Ismail, 2013). Walaupun terdapat negeri-negeri yang tidak mewartakan keputusan muzakarah berkenaan, namun intipati kepada keputusan itu telah diserapkan ke dalam peruntukan Undang-undang Keluarga Islam yang terdapat di negeri-negeri seluruh Malaysia. Kesemua akta atau enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia adalah menggunakan undang-undang model seragam yang telah diperkenankan oleh mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu kali ke-188 pada 22 Mac 2001 (Paizah Ismail, 2013).

Hal ini bererti, pengertian ATST dalam semua Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia selaras antara satu sama lain dan selari dengan pandangan para fuqaha sepertimana yang terkandung dalam kebanyakan kitab-kitab *fiqh* klasik dan kontemporari (Yusuf Musa, 1967). Kajian ini akan memperincikan berkaitan dengannya di bawah tajuk "Metodologi Pendalilan dalam Polemik Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf". Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan daripada keputusan Fatwa Kebangsaan dan majoriti fatwa negeri-negeri di Malaysia bagi penamaan nasab ATST itu adalah seperti berikut:

1. ATST adalah anak yang lahir di luar nikah yang kurang dari tempoh enam bulan dari tempoh akad nikahnya dan bukan anak daripada persetubuhan syubhah.
2. ATST yang lahir hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah yang membawa maksud "hamba Allah SWT".
3. Sekiranya lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tersebut bernama Abdullah, maka anak tersebut hendaklah dibin atau dibintikan kepada nama-nama *Asma' al-Husna* berpangkalan Abdul di hadapannya.
4. ATST boleh dibin atau dibintikan kepada Abdullah atau mana-mana nama *Asma' al-Husna* berpangkalan Abdul di hadapannya, sekiranya anak yang lahir itu



kurang dari enam bulan dari tempoh akad nikahnya. Manakala bagi anak yang lahir lebih dari tempoh enam bulan dari tempoh akad nikahnya, maka boleh dinamakan nasab anak tersebut kepada bapa biologinya.

Oleh itu, dapatlah difahami bahawa penamaan nasab ATST yang dibenarkan adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Kaedah Penamaan Nasab ATST di Malaysia

BIL.	CONTOH PENAMAAN	
	Lelaki	Perempuan
1.	Muhammad Edry Bin Abdullah	Nur Adelia Fathia Binti Abdullah
	Muhammad Edry Bin Abdul Rahman	Nur Adelia Fathia Binti Abdul Rahman
2.	(Menggunakan nama-nama <i>Asma' al-Husna</i> dengan berpangalkan Abdul)	(Menggunakan nama-nama <i>Asma' al-Husna</i> dengan berpangalkan Abdul)

Sumber: Olahan daripada perbincangan kajian

### Hujah Pendalilan bagi Fatwa Penamaan Nasab ATST kepada Abdullah

Menurut keputusan Fatwa Kebangsaan, wanita yang tidak bersuami kemudian melahirkan anak yang nyata anak itu adalah anak zina, maka jumhur ulama menetapkan bahawa hanya ibu sahaja yang layak menasabkan ke atas anak tersebut. Hal ini turut disokong oleh fatwa *al-Mawsu'at al-Fiqhiyat al-Kuwaytiyat* (1983) dan pendapat yang masyhur dalam kalangan mazhab Syafii. Muhammad al-Zuhayli (2007) menghuraikan dalam kitabnya *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i* bahawa, anak zina itu menjadi mahram dengan ibunya kerana *tahqiq* kelahirannya secara *musyahadat* lagi yakin daripada ibunya. Adapun anak perempuan tidak menjadi mahram dengan lelaki yang berzina itu *fasyihat* (kekejian) dan haram tidak mensabitkan nasab secara sepakat ulama hadis. Tidak juga disabitkan pewarisan, tidak diterima perkataan penzina lelaki tersebut dan penyaksiannya bahkan dia layak dikenakan hukuman rotan atau rejam. Hal ini bersandarkan kepada hadis Nabi SAW yang bermaksud:

*Anak itu untuk hamparan (isteri) dan bagi penzina itu adalah batu (tidak mendapat hak nasab).*

(H.R. Bukhari: 6818)

Menurut Ibnu Hajar al-Asthalani (1449), perkataan (فِرَاشٍ) dalam hadis di atas bermaksud lelaki yang mempunyai isteri atau hamba perempuan yang menjadi hamparan baginya. Oleh kerana itu, anak yang lahir daripadanya menjadi anaknya. Manakala perkataan (عَاهِرٍ) pula ialah penzina sedangkan (الْحُجْرُ) terdapat dua pendapat iaitu kerugian dan direjam dengan batu. Adapun pendapat yang kedua itu adalah pendapat yang lemah. Oleh yang demikian, hadis ini menjelaskan bahawa anak itu dikaitkan dengan tempat tidur, sedangkan orang yang berzina, maka ia



mendapat kerugian. Hal ini bererti, anak yang terlahir daripada sebuah perkahwinan yang sah, langsung mendapatkan hak nasab daripada ayahnya tanpa memerlukan pengakuan atau cara-cara penentuan nasab lainnya. Ia disokong oleh Wahbah al-Zuhayli (1985) bahawa nasab anak itu sabit bagi ibunya dalam semua keadaan sama ada dilahirkan secara syarie ataupun tidak. Manakala nasab kepada bapa pula adalah tidak disabitkan melainkan dengan jalan perkahwinan.

Oleh yang demikian, dapatlah difahami daripada hadis ini bahawa anak hasil zina tidak memiliki nasab daripada pihak lelaki. Tambahan lagi, anak tersebut juga tidak diwarisi oleh bapanya meskipun lelaki itu yang menzinainya, menaburkan benih dan mengaku yang dikandung itu adalah anaknya. Ia merupakan pendapat jumhur yang turut dipegang Kerajaan Arab Saudi dalam *Fatwa al-Lajnat al-Da'imat* (no: 3408 & 3056) menyebutkan bahawa, pendapat yang sahih daripada jumhur ulama adalah tidak boleh disabitkan nasabnya kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya kecuali nikah yang sah atau fasid, nikah syubhah, perhambaan atau perhambaan syubhah. Dalam kitab *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab* juga telah dihuraikan bahawa, tiada khilaf dalam kalangan ulama bahawa anak zina tidak disabitkan kepada lelaki yang berzina dengan ibu anak tersebut dan mereka tidak saling mewarisi. Mazhab Syafii dan Maliki tidak mengharamkan pernikahan antara mereka berdua tetapi memakruhkannya. Manakala mazhab Abu Hanifah dan Hanbali mengharamkannya (Al-Nawawi, 2009).

Dalam isu penamaan nasab ATST di Malaysia, majoriti fatwa di Malaysia menyokong pendapat yang pertama ini, yang mana tidak boleh menasabkan kepada bapa biologi melainkan dengan jalan perkahwinan tetapi dengan beberapa syarat dan garis panduan yang difikirkan munasabah selari dengan pendalilan dan penghujahannya. Asas utama kepada pandangan ini ialah sabda Nabi SAW dalam (H.R. Bukhari: 6818) berkaitan dengan anak itu adalah hamparan (isteri) dan bagi penzina itu adalah batu (tidak mendapat hak nasab). Daripada hadis ini, ia membawa maksud bahawa anak perlu dikaitkan dengan bapa yang melahirkannya melalui perkahwinan yang sah (Wahbah al-Zuhayli, 1985). Ia turut disokong oleh al-Nawawi (2009) bahawa jika seseorang lelaki itu mempunyai isteri atau hamba, maka dia seolah-olah menjadi hamparan tempat tidurnya "*al-firasy*". Apabila perempuan tersebut melahirkan anak bagi suatu tempoh yang memungkinkan anak itu wujud, maka anak itu disabitkan menjadi anaknya dan hak bagi lelaki berkenaan. Oleh yang demikian, berjalanlah antara mereka hukum pewarisan dan hukum-hakam yang lain.

Menurut al-Kasani (1982), hadis ini membawa maksud bahawa anak itu dinasabkan kepada suami wanita itu dan tidak dinasabkan kepada penzina atas tiga hujah. Pertama, sesungguhnya Nabi SAW bersabda bahawa anak tersebut bukan bagi seseorang yang bukan suami atau tuan sepertimana batu bukan bagi orang yang tidak berzina. Kedua, Baginda menjadikan anak tersebut bagi suami dan menafikannya ke atas penzina dengan sabda Baginda (وَالْغَايِرِ الْحُجْرُ) kerana kata-kata

seperti ini digunakan dalam penafian. Ketiga, Baginda menjadikan setiap jenis anak ke atas suami, maka jika tersabit nasab anak bagi yang bukan suami terdapat khilaf nas. Pandangan al-Kasani terhadap huraian hadis tersebut adalah jelas menunjukkan



bahawa ATST itu adalah tidak layak untuk dinasabkan kepada orang yang berzina, bahkan mestilah melalui pernikahan yang sah. Oleh yang demikian, ia telah diperincikan lagi oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dalam fatwa penamaan nasab ATST daripada pernikahan yang sah ini.

Terdapat tiga syarat penting yang perlu dipenuhi dalam menasabkan anak yang lahir hasil daripada pernikahan yang sah di Malaysia seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia (2004):

1. Ada kemungkinan anak tersebut adalah daripada suami berkenaan, maknanya suami adalah orang yang mempunyai faktor-faktor yang boleh menyebabkan kehamilan isterinya, seperti tidak lemah syahwat yang menyebabkan dia tidak mampu menyetubuhi isterinya, atau dia mandul, atau sebab-sebab lain yang boleh menafikan anak itu daripada suami berkenaan.
2. Suami tidak menafikan nasab anak itu daripadanya melalui proses *li'an*.
3. Isteri melahirkan anak berkenaan dalam tempoh mengandung yang minimum.

Hal ini menunjukkan bahawa, semua pernikahan itu tidak semestinya boleh menjadi asas kepada kesahataran anak bagi membuktikan keterangan, melainkan dengan sokongan daripada tiga syarat yang telah dinyatakan di atas. Selain itu juga, mengikut para fuqaha lagi, ia perlu mencapai tempoh enam bulan sebelum anak itu dilahirkan (Ibnu Rusyd 1996). Penentuan tempoh enam bulan itu adalah berasaskan kepada kompromi antara dua ayat al-Quran yang menerangkan tentang masa hamil (tempoh mengandung) dan penyusuan iaitu daripada surah al-Ahqaf (ayat: 15) dan surah al-Luqman (ayat: 14).

Berikut adalah penghujahannya yang dapat diperincikan. Ayat pertama ialah firman Allah SWT dalam surah al-Ahqaf (ayat: 15) yang bermaksud:

*Dan kami perintahkan kepada manusia agar berbuat baik kepada kedua orang tuanya, ibunya mengandungkannya dengan susah payah, dan melahirkannya dengan susah payah pula. Masa mengandung sampai menyapihnya selama tiga puluh bulan.*

(Al-Ahqaf, 46: 15)

Al-Suyuti (1990) menjelaskan dalam kitab tafsirnya *al-Jalalayn* bahawa tempoh enam bulan merupakan batas yang paling minimum bagi mengandung dan bakinya iaitu 24 bulan adalah masa penyusuan anak yang paling maksimum. Hal ini disokong oleh Ibnu Kathir (2003) yang telah menukilkan pandangan 'Ali bin Abi Talib dalam tafsirnya bahawa, tempoh minimum bagi masa mengandung adalah enam bulan. Oleh yang demikian, ayat di atas menjelaskan secara kumulatif bahawa jumlah mengandung dan menyapih iaitu 30 bulan dan ia merupakan tempoh yang ideal lagi sempurna (Dian Pamuji 2015). Selain itu juga, Sayyid Qutb (2008) mengingatkan dalam tafsirnya agar sentiasa berbakti kepada ibu yang telah berjuang memikul berat, terundang dengan kemalangan, sengal-sengal badan dan bernafas dengan susah payah sehinggalah menjelang kelahiran dan penyusuan anak. Menurut Maryam & Nashirun Haq (2022), sesungguhnya tempoh masa dua tahun yang telah ditetapkan bagi



penyusuan anak adalah masa yang sempurna untuk membentuk tulang serta gigi dan memberikan antibodi bagi anak dengan sangat baik.

Sementara ayat kedua pula ialah firman Allah SWT dalam surah al-Luqman (ayat: 14) yang bermaksud:

*Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun...*

(Al-Luqman, 31: 14)

Menurut Ibnu 'Asyur (1984) dalam kitabnya *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*, beliau menjelaskan bahawa seorang ibu itu mengandung dalam keadaan kesusahan demi kesusahan, dan semakin banyak anak dalam kandungan, maka semakin berat baginya sehinggalah menceraikan susunya selama dua tahun. Ayat ini menjadi bukti bahawa perintah Allah SWT untuk berbakti kepada ibu yang telah bersusah payah mengandung dan menyusukan anak. Wahbah al-Zuhayli (2016) menyatakan dalam kitab tafsirnya *al-Munir* bahawa dalil ini juga sekali gus menunjukkan waktu menyusui anak adalah selama dua tahun. Lafaz (وفصاله في عامين) "dan penyapihannya dalam

tempoh dua tahun" mengisyaratkan betapa penyusuan anak itu adalah sangat penting dilakukan oleh ibu kandung. Tujuan penyusuan tidak hanya untuk memelihara kelangsungan hidup anak, tetapi juga untuk tumbesaran anak dalam kondisi fizikal dan mental yang sangat baik (Meli, 2019). Namun begitu, sekiranya kedua ibu bapa memilih untuk menyapih anak mereka sebelum tempoh dua tahun dan telah memastikan bahawa tiada bahaya ke atas anak tersebut, maka hal itu adalah diharuskan. Hal ini kerana, tiada kewajipan ke atas arahan tempoh dua tahun penyusuan sepertimana yang disebut di dalam surah al-Baqarat (ayat: 233).

Dalam ayat pertama, Allah SWT menyebut tempoh mengandung bersama menyusui adalah selama 30 bulan, sementara dalam ayat kedua pula Allah SWT menegaskan tempoh menyusu selama dua tahun iaitu menyamai 24 bulan. Hal ini bererti, mengikut kaedah kompromi berkenaan, tempoh berbaki iaitu enam bulan merupakan tempoh minimum bagi mengandung (Wahbah al-Zuhayli, 1985). Jumhur ulama menjadikan selisih dari waktu masa kehamilan dan menyusui yang terkandung dalam dua ayat di atas sebagai batasan minima usia janin yang dapat dianggap sebagai anak yang sah dan dapat dinasabkan kepada ayahnya iaitu enam bulan. Oleh yang demikian, bagi memastikan kesahataran anak tersebut, tempoh perkahwinan mestilah mencapai enam bulan sebelum anak itu dilahirkan (Ibnu Rusyd, 1996). Hal ini turut disokong oleh Ibnu Kathir (2003) dalam tafsirnya ke atas ayat tersebut bahawa, para ulama mengistinbatkan tempoh hamil yang paling singkat adalah selama enam bulan.

Menurut pandangan majoriti fuqaha, yang dimaksudkan dengan enam bulan itu bukan merujuk kepada tempoh akad nikah sahaja, tetapi juga kepada awal tempoh kemungkinan persetubuhan boleh berlaku antara suami dan isteri berkenaan (Al-



Kasani 1997). Menurut Wahbah al-Zuhayli (1985), hal ini adalah kerana perkataan *al-firasyh* dalam hadis yang telah dinyatakan di atas bermaksud isteri yang disetubuhi. Berbeza pula dengan pandangan dalam mazhab Hanafi, yang mana baginya bahawa perhitungan enam bulan itu berlaku bermula dari tarikh akad nikah itu sendiri tanpa mengambil kira tempoh kemungkinan berlaku persetubuhan atau sebaliknya (Al-Kasani 1997). Menurut Ibnu Hajar al-Asthalani (1449), tempoh enam bulan itu adalah dikira penuh bagi setiap bulan dengan menyamai 30 hari. Hal ini bererti, enam bulan itu berjumlah 180 hari keseluruhannya dan dua *lahzat* pula ialah tempoh persetubuhan (*lahzat al-dukhul*) dan tempoh mengeluarkan anak (*lahzat al-wiladat*). Pendapat ulama Syafii bahawa tempoh hamil yang paling minimum ialah 180 hari dan itulah juga yang menjadi pendapat jumur.

Tafsiran ini dapatlah diperkukuhkan lagi oleh riwayat yang telah dihuraikan oleh al-Sabuni (1990) dalam kitabnya *Rawai' al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam*. Beliau menyebut bahawa telah diriwayatkan seorang perempuan yang berkahwin, kemudian melahirkan anak setelah enam bulan daripada perkahwinannya. Dia dihadapkan di hadapan khalifah 'Uthman RA dan beliau mahu merejam perempuan berkenaan. Namun khalifah 'Uthman RA telah ditegur oleh Ibnu Abbas berasaskan kepada kompromi antara dua ayat yang telah dinyatakan di atas iaitu tempoh hamil ialah enam bulan dan penyusuan pula 24 bulan. Khalifah 'Uthman RA menerima baik tafsiran tersebut lalu melepaskannya daripada hukuman (Al-Kasani,1997). Hal ini disokong oleh al-Maraghi (2001) bahawa, tempoh hamil yang paling singkat ialah selama enam bulan dan tempoh menyusu yang paling lama ialah genap dua tahun seperti dalam firman Allah SWT yang bermaksud, "dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap" (Q.S. Al-Baqarat: 2: 233).

Oleh yang demikian, dari sudut penasaban anak pula, sekiranya perempuan itu melahirkan anak setelah berlalu enam bulan dari waktu akad nikahnya, maka nasab itu adalah sabit kepadanya. Jika dia melahirkan sebelum enam bulan dari waktu akad, maka nasab tidak sabit kepadanya melainkan jika lelaki itu mengatakan anak itu daripada zuriatnya dan tidak mengatakan secara terang yang ia adalah daripada zina (Wahbah al-Zuhayli 1985). Menurut Ibnu Qudamah (1997) bahawa ijmak dalam hal pensabitan nasab ATST itu adalah, apabila dilahirkan anak itu atas perkahwinan atau perhambaan seorang lelaki, kemudian orang lain mendakwa bahawa anak itu tidak dinasabkan kepadanya. Khilaf ini hanyalah pada ketika anak itu dilahirkan bukan atas hamparan.

Berdasarkan kepada hujah ini, para ulama telah menetapkan hukum bahawa mana-mana anak yang dilahirkan dalam tempoh enam bulan atau lebih yang dikira dari masa suami isteri boleh bersatu melalui nikah yang sah, maka nasab anak tersebut disabitkan kepada suami wanita berkenaan dan berjalanlah segala hukum-hukum nasab ke atasnya. Sebaliknya, jika anak tersebut lahir kurang dari tempoh enam bulan, maka nasabnya tidak bersambung dengan suami kepada ibu atau wanita yang melahirkan anak berkenaan. Anak tersebut hendaklah dinasabkan kepada ibu yang melahirkannya sahaja dan jika hendak dibin atau dibintikan, boleh dinasabkan



kepada ibunya atau kepada nama Abdullah atau salah satu daripada nama *Asma' al-Husna* berpangkalkan Abdul (Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan, 2004).

## KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kajian ini mendapati bahawa asas pendalilan terhadap fatwa pensabitan nasab ATST di Malaysia yang dinamakan kepada Abdullah adalah bersumberkan kepada dalil hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari (no: 6818) iaitu "anak itu untuk hamparan (isteri) dan bagi penzina itu adalah batu (tidak mendapat hak nasab)". Hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa, Nabi SAW menjadikan anak tersebut bagi yang bersuami dan bukannya penzina. Hal ini disokong oleh beberapa pandangan ilmuan klasik seperti Ibnu Hajar al-Asqalani dan selainnya yang menyatakan bahawa, perkataan "*al-firasy*" dalam hadis tersebut bermaksud lelaki yang mempunyai isteri atau hamba perempuan yang menjadi hamparan baginya. Maka perempuan yang tidak bersuami tidaklah disebut di dalam hadis ini. Tambahan lagi, ahli-ahli ilmuan kontemporari seperti Wahbah al-Zuhayli turut menyatakan bahawa hadis tersebut adalah merujuk kepada anak yang dinasabkan kepada bapa yang berada dalam perkahwinan yang sah.

Mereka berpandangan bahawa perkataan "*al-firasy*" ialah bermaksud perempuan mengikut ulama dan dita'birkan dengan maksud dalam keadaan "*iftirasyi*". Adapun zina tidak harus menjadi penyebab untuk mensabitkan nasab, bahkan sebaliknya perlulah direjam dengan batu. Oleh yang demikian, sebahagian ilmuan Islam menyokong bahawa anak zina itu menjadi mahram dengan ibunya kerana *tahqiq* kelahirannya secara *musyahadat* lagi yakin daripada ibunya. Adapun anak perempuan tidak menjadi mahram dengan lelaki yang berzina itu *fasyihat* (kekejian) dan haram tidak mensabitkan nasab secara sepakat ulama hadis. Berdasarkan kepada asas inilah, anak-anak tak sah taraf itu adalah tidak wajar dinasabkan kepada bapa penzinanya, bahkan perlulah dinasabkan kepada ibunya sebagai jalur nasab yang sah. Namun begitu, Fatwa Kebangsaan menggantikan nama Abdullah kepada nama ibu anak tersebut bagi mengelakkan kesan psikologi dan masalah sosial yang berlaku kepada anak tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar suatu kajian dapat diperluaskan pada masa hadapan bagi mengesahkan matlamat Fatwa Kebangsaan bagi menggantikan nama ibu dengan nama Abdullah ke atas ATST adalah benar-benar mencapai matlamat seperti yang diinginkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

## PENGHARGAAN

Penghargaan kajian ini ditujukan kepada Dr. Zul-kifli Bin Hussin selaku penyelia, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial serta Pusat Pascasiswazah Universiti Sultan Azlan Shah (USAS).



## RUJUKAN

- Ahmad Husni, H., Anwar, A., Rizal, M., Hasnan, A. B., Mustaqim Roslan, M. (Interviewer). (2015 April 9). *Interview with SS Dr. Harussani Zakaria (Mufti Negeri Perak)*. (Recorder). Pejabat Mufti, Negeri Perak Darul Ridzuan.
- Al-Asthqalani, I. H. (1449). *Fath al-Bari*. Kaherah, Mesir.
- Al-Kasani & Ibnu Ahmad, A. A. (1982). *Bada'i' al-Thanai' fi Tartib al-Syaraki'*. Dar al-Kitab al-'Arabi, Beirut.
- Al-Maraghi, A. M. (2001). *Tafsir al-Maraghi*. Dar al-Fikr, Beirut.
- Al-Nawawi, Z. Y. (2009). *Al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab: Bab Nikah dan Shadaq (Mas Kawin)*. (Al-Muthi', M. N. Trans.). Pustaka Azzam.
- Al-Sabuni, M. A. (1990). *Rawai' al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam*. 1<sup>st</sup> ed. Dar al-Fikr, Beirut.
- Al-Suyuti, J. (1990). *Tafsir al-Jalalayn*. (Abu Bakar, B., Trans.). 1<sup>st</sup> ed. Sinar Baru Algensindo, Bandung.
- Al-Zuhayli, W. (1985). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. 10<sup>th</sup> ed. Dar al Fikr, Beirut.
- Al-Zuhayli, W. (2007). *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*. 1<sup>st</sup> ed. Dar al Qalam, Syria.
- Al-Zuhayli, W. (2016). *Tafsir al-Munir*. (Al-Kattani, A. H., Trans.). 2<sup>nd</sup> ed. Gema Insani, Jakarta.
- Azizah, M. R., Noor Aziah, M. A., Ahmad 'Azam, M. S., Nor 'Adha, A. H. & Tg. Noor Azira, T. G. (2019). Menangani Masalah Kelahiran Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Peranan Perundangan Jenayah Dalam Masyarakat. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Bernamea. (2017, Ogos 17). *Abdullah Buka Aib, Galakkan Zina?*. SS Dr. Asri Zainul Abidin. Sinar Harian.
- Dian, P. (2015). *Pandangan Fiqih Terhadap Fertilisasi In Vitro Pasca Kematian Suami Dan Status Nasab Anak*. (Postgraduate Thesis). Fakultas Syariah Jurusan Hukum Islam, IAIN Jember.
- Hans Wehr. (1980). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. n.d. Library Du Liban, Beirut.
- Ibnu 'Asyur, M. T. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. 1<sup>st</sup>. Dar al-Tunisiyat.
- Ibnu Kathir, F. (2003). *Tafsir Ibnu Kathir*. (Ishaq, M. A., Trans.). 1<sup>st</sup> ed. Pustaka Imam Syafii.



- Ibnu Qudamah. (1997). *Al-Mughni*. 1<sup>st</sup> ed. Dar al-Fikr.
- Ibnu Rusyd, W. M. (1996). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. 1<sup>st</sup> ed. Matba'at al-Kuliyat al-Azhariyat, Kaherah.
- Krippendorff. (2004)., & White. & Marsh. (2006). *Content Analysis: a Flexible Methodology*. 1<sup>st</sup> ed. Library Trend, University of Illinois at Urbana Champaign.
- Kuwait. *Al-Mawsu'at al-Fiqhiyat al-Kuwaytiyat*. (1983). Kementerian Waqaf Kuwait.
- Malaysia. *Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan*. (2004). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Meli. (2019). *Nilai-Nilai Pendidikan Karakter Dalam Al-Qur'an Surah Luqman Ayat 12-19 (Studi Tafsir al-Misbat)*. Journal of Pedagogy. Vol. 2 No. 2. Sekolah Tinggi Keguruan dan Ilmu Pendidikan (STKIP) Dampel Selatan.
- Muslim, M. S. (2016). *Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi*. Wahana. Vol. 1 No. 10. Universitas Pakuan, Indonesia.
- Mustaqim Roslan, M. (2023). *Hifz al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Kesan Psikologi dan Masalah Sosial*. (Postgraduate Thesis). Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar – Perak Darul Ridzuan.
- Noraini Aqilah, I. & Ahmad Munawar, I. (2018). *Persepsi Masyarakat Muslim di Hulu Langat Terhadap Anak Tak Sah Taraf*. Malaysian Journal for Islamic Studies (MJIS). Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- Paizah, I. (2013). *Anak Tak Sah Taraf dari Perspektif Syariah dan Perundangan Islam di Malaysia*. Jurnal Fiqh. No.10 (2013): 77-90. Konsultan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).
- Perlis. *Peruntukan Subseksyen 48 (6), Enakmen Pentadbiran Agama Islam*. (2006). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIPS).
- Roslan, M. M. (2023). Hubungan Kesan Psikologi dan Masalah Sosial dengan Teori Hifz Al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf: Analisis Fatwa Kebangsaan: The Relationship of Psychological Effects and Social Problems with Hifz Al-Nafs Theory in The Fatwa on the Named Lineage of Illegitimate Children: National Fatwa Analysis. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 86–100.  
<https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.240>
- Roslan, M. M., & Zainuri, A. O. . (2023). Kekhilafan Menerapkan Maqasid Syari'ah Dalam Pengeluaran Fatwa: Analisis Ijtihad Maqasidi: Arguments In Applying Maqasid



Syariah In The Fatwa Issuance: An Ijtihad Maqasidi Analysis. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(1), 132-148.  
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.464>

Roslan, M. M., & Osman Zainuri, A. (2023). Teori Hifz Al-Nafs Dalam Maqasid Syariah: Analisis Pendalilan: The Theory of Hifz Al-Nafs In Maqasid Syariah: Argumentation Analysis. *Journal of Muwafaqat*, 6(1), 1–13.  
<https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i1.121>

Roslan , M. M. (2023). Teori Hifz Al-Nafs dalam Islam: Analisis Pendalilan: [The Theory of Hifz Al-Nafs in Islam: An Argumentative Analysis]. *KQT EJurnal*, 22–34. Retrieved from <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/68>

Sayyid Qutb. (2008). *Tafsir fi Zilal al-Quran*. 1st ed. Gema Insani Press.

Wan Abdul Fattah, I., Syahirah, A. S., Lukman, A. M., Ahmad Syukran, B., Zulfaqar, M. & Nik Salida, N. S. (2020). Faktor dan Penyelesaian Isu Anak Tak Sah Taraf dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia. *International Seminar on Syariah and Law (INSLA)*. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Yusuf Musa. (1967). *Al-Nasab wa Atharuhu*. 2nd ed. Dar al-Ma'rifat, Kaherah.

Zakiul Fuady, M. D. & Raihanah, A. (2020). Analisis keputusan dan Metode Penghakiman terhadap Pemberian Wasiat Wajibah kepada Anak Tak Sah Taraf. *Jurnal Fiqh*. Universiti Malaya (UM).

Zulkifli al-Bakri. (2003). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).